

01/10/1997

Shan Shui kekalkan kehijauan

Hadi Karim

KELAB Golf dan Resort Shan Shui yang dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 21 September lalu, bukan sahaja setaraf padang golf antarabangsa lain, malah adalah padang golf 18 lubang yang mengekalkan kehijauan dan ciri-ciri alam semulajadi.

Terletak kira-kira 30 kilometer dari bandar Tawau, Kelab Golf dan Resort Shan Shui dibina di kawasan bukit seluas 160 hektar, menganjur dari Pantai Tinagat yang disemulajadikan dengan Sungai Membalua menyerupai sebuah taman hutan.

Shan Shui yang menelan belanja RM280 juta terbahagi kepada tiga fasa dan apabila siap sepenuhnya kelak dijangka menyediakan lebih 1,500 peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan.

Fasa pertam projek ini ialah pembinaan padang golf 18 lubang dan bangunan kelab serta 132 lot perumahan berbentuk "country style bungalow". Fasa kedua, pembinaan kelab rekreasi dan sukan seperti bowling, skuasy, tenis dan badminton.

Dalam fasa ketiga pula, pembinaannya lebih berunsur komersil seperti hotel bertaraf antarabangsa yang mempunyai 330 bilik dilengkapi dengan dewan mesyuarat dan sebagainya.

Upacara pecah tanah fasa pertama yang dijangka siap penghujung Oktober ini dirasmikan Yang Dipertua Negeri, Tun Sakaran Dandai pada 3 Julai 1996.

Projek ini apabila siap kelak merupakan satu lagi mercu tanda bagi daerah Tawau khususnya dan Pantai Timur Sabah amnya yang terkenal sebagai pintu masuk kepada pelaksanaan konsep ekonomi Kawasan Pertumbuhan Asean Timur-Brunei, Indonesia, Malaysia dan Filipina (BIMP-EAGA).

Pengurus Eksekutifnya, Kour Nam Ngum, berkata projek yang dibina itu seboleh-boleh tidak menyentuh atau mengubah alam semulajadi persekitaran, malah turut menanam pokok koko sebagai lambang daerah Tawau yang terkenal sebagai pengeluar koko. "Kita turut mengekalkan hidupan liar yang terdapat di persekitaran itu tanpa menghalau dan menakutkannya, malah hidupan terbabit dapat hidup seperti biasa tanpa ada gangguan," katanya.

Menurutnya, beberapa kolam yang di situ turut dikekalkan dan pihaknya telah menambah lebih 200,000 spesies ikan di dalamnya.

"Ini bagi membolehkan burung helang yang sering menjadikan kolam sebagai sumber makanannya kelak di samping memberikan satu kelainan kepada pengunjungnya khusus pemain gloyf menikmati alam semulajadi, walaupun pada masa yang sama sedang bermain golf," katanya.

Selain itu, katanya, pihak pengurusan juga mengekalkan keaslian aliran sungai Membalua yang mempunyai beberapa spesis reptilia yang masih hidup dan berkeliaran di kawasan itu.

Menurutnya, padang golf itu sama sekali tidak membenarkan kenderaan masuk ke tempat-tempat tertentu bagi memastikan tidak berlaku pencemaran.

"Malah setiap pengunjung akan disediakan kereta khas yang menggunakan tenaga bateri semasa di situ apabila ia siap dan dibuka kelak," katanya.

Kuor berkata, ketiga-tiga fasa projek berkenaan dijangka boleh disiapkan pada masa yang sama dengan pembukaan Lapangan Terbang Tawau yang baru bertempat di Balung.

"Pembinaan lapangan terbang baru dan pembinaan sistem jalan raya dua hala sebagaimana diumumkan kerajaan di kawasan ini, saya yakin Shan Shui berpotensi menjadi padang golf dan resort paling spektakular di negara ini," katanya.

(END)

